

Faktor –Faktor yang Mempengaruhi Gejala Ponteng Di kalangan Pelajar Sekolah Menengah Johor

Azizi Yahaya
Shahrin Hashim
Yusof Boon
How Lee Chan
Fakulti Pendidikan
Universiti Teknologi Malaysia

Abstrak : Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi gejala ponteng di kalangan pelajar sekolah menengah di Johor Bahru. Antara faktor ponteng yang dikaji ialah faktor sikap pelajar, suasana sekolah, faktor guru, faktor rakan sebaya, faktor keluarga dan faktor pengaruh media elektronik. Sampel kajian terdiri dari 202 orang pelajar dari tingkatan dua dan empat. Dapatan kajian menunjukkan faktor guru merupakan faktor paling dominan yang mendorong pelajar melakukan ponteng sekolah. Kajian ini juga mendapati bahawa tidak terdapat hubungan yang signifikan antara faktor ponteng seperti faktor sikap pelajar, suasana sekolah, guru, rakan sebaya, keluarga dan media elektronik dengan pendapatan keluarga. Wujud juga hubungan yang signifikan antara gejala ponteng dengan pencapaian akademik. Hasil kajian juga menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara ponteng hati, ponteng kerana bangun lewat dan ponteng kelas dengan jantina. Namun, wujud perbezaan yang signifikan antara ponteng sekolah dengan jantina di kalangan pelajar.

(kata kunci: Ponteng sikap pelajar, suasana sekolah, faktor guru, faktor rakan sebaya, faktor keluarga dan faktor pengaruh media elektronik)

PENGENALAN

Ponteng didefinisikan sebagai lari daripada tanggungjawab atau tugas tanpa kebenaran (Kamus Dewan: 979). Secara umum ponteng sekolah ialah tidak hadir ke sekolah tanpa sebab yang munasabah dan di luar pengetahuan ibu bapa atau penjaga. Walaupun begitu ada yang tidak hadir tetapi dalam pengetahuan ibu bapa. Ponteng juga sering dikaitkan dengan isu yang menampilkan pelajar yang tidak berdisiplin dan bermoral rendah. Ponteng sekolah adalah sejenis penyakit lama yang telah berakar umbi semenjak masyarakat kita mengenal alam persekolahan.

Menurut Rasidah bt Omar (2005) pula, ponteng sekolah boleh ditakrifkan sebagai ketidakhadiran pelajar ke sekolah dengan sengaja tanpa sebarang alasan yang munasabah. Masa yang sepatutnya diisikan dengan menimba ilmu pengetahuan di bangku sekolah sebaliknya dihabiskan dengan melakukan aktiviti yang tidak bermanfaat seperti melepak di kompleks membeli belah atau pusat rekreasi dan pusat hiburan.

Ponteng sekolah boleh dibahagikan kepada beberapa tingkat, dari tingkat bawah hingga tingkat tertinggi. Antara tingkat-tingkatnya ialah ponteng hati, ponteng kerana bangun lewat, ponteng kelas dan ponteng sekolah. Walaupun adanya peraturan atau disiplin sekolah yang ketat tetapi seketat mana pun undang-undang dibuat gejala ponteng

tetap berlaku. Kajian Kementerian Malaysia (1978) mengenai disiplin meletakkan gejala ponteng sebagai isu utama.

FAKTOR-FAKTOR PENYEBAB PONTENG

Terjadinya kes ponteng adalah disebabkan oleh beberapa faktor. Antaranya adalah suasana persekitaran sekolah yang berubah secara mendadak akibat dari proses pembandaran. Pembinaan pusat membeli belah dan pusat-pusat hiburan yang terlalu hampir dengan sekolah akan menjadi faktor penarik kepada gejala ponteng sekolah. Manakala suasana persekitaran dalam sekolah seperti stail kepimpinan pengetua, pendekatan warga guru dan persekitaran sekolah yang tidak kondusif menjadi faktor penolak kejadian ponteng di kalangan pelajar (Tan, 2006).

Pengaruh media elektronik yang saban hari memaparkan tentang gejala ganas dan kebebasan remaja yang keterlaluan banyak mempengaruhi pemikiran golongan muda terutama yang baru meningkat remaja juga menjadi penyumbang kepada berlakunya gejala ponteng. Manakala kurangnya didikan agama dan kasih sayang dari ibu bapa, perasaan ingin tahu serta desakan atau pengaruh dari rakan sebaya boleh menjadi penyebab terjadinya masalah ponteng yang kian sukar dibendung lagi.

Selain itu, faktor sekolah juga menjadi salah satu penyebab kepada permasalahan ponteng dan mengganggu suasana pembelajaran. Mengikut Hussein (1993) pembelajaran yang berkesan datangnya dari suasana sekolah yang tenteram, kerana ketenteraman itu amat kritikal bagi melahirkan pencapaian yang baik di kalangan pelajar. Kewujudan suasana sekolah yang positif dari segi kemudahan sekolah, pengajaran guru, kedudukan sekolah dari aspek pengangkutan pelajar dan pelaksanaan disiplin yang efektif menjamin pembelajaran yang berkesan dan mengurangkan kes-kes salah laku pelajar.

Sikap pelajar yang sukakan hiburan dan mudah terikut-ikut dengan gaya penampilan artis yang mereka minati, seperti memakai pakaian yang berjenama dan stail rambut yang baru, jika tiada wang yang mencukupi, mereka rela ponteng sekolah untuk bekerja demi mendapat wang. Begitu juga, apabila pelajar tidak berminat dalam sesuatu mata pelajaran dan guru pula tidak berusaha menarik minat mereka, pelajar-pelajar itu akan hilang semangat belajar dan ponteng sekolah.

Kajian perlu dijalankan bagi mengenal pasti faktor-faktor utama yang mendorong para pelajar melakukan kegiatan ponteng. Dalam kajian ini, penyelidik akan menyelidik menggunakan soal selidik bagi mengetahui sama ada terdapat hubungan yang signifikan antara faktor-faktor yang mempengaruhi gejala ponteng iaitu faktor sikap pelajar, suasana sekolah, guru, rakan sebaya, keluarga dan media elektronik dengan pendapatan keluarga. Dalam kajian ini, ponteng terdiri daripada empat jenis :

Ponteng sekolah- keluar rumah dengan pakaian seragam tetapi tidak ke sekolah. Ponteng kelas - ke sekolah tetapi pada masa pengajaran subjek-subjek tertentu dia menghilangkan diri. Ponteng hati - berada dalam bilik darjah tetapi hati dan fikirannya tidak di sana, sebaliknya hanya menunggu loceng waktu akhir untuk keluar sekolah. Ponteng kerana bangun lewat.

Objektif Kajian

Objektif umum kajian ini adalah untuk mengenal pasti fenomena ponteng di kalangan pelajar sekolah menengah. Objektif khusus kajian yang dijalankan ini adalah bertujuan untuk :

1. Mengetahui sama ada faktor sikap pelajar merupakan faktor utama yang menyebabkan pelajar ponteng sekolah
2. Mengetahui sama ada faktor suasana sekolah merupakan faktor utama yang menyebabkan pelajar ponteng sekolah
3. Mengetahui sama ada faktor guru merupakan faktor utama yang menyebabkan pelajar ponteng sekolah
4. Mengetahui sama ada faktor rakan sebaya merupakan faktor utama yang menyebabkan pelajar ponteng sekolah
5. Mengetahui sama ada faktor keluarga merupakan faktor utama yang menyebabkan pelajar ponteng sekolah
6. Mengetahui sama ada media elektronik merupakan faktor utama yang menyebabkan pelajar ponteng sekolah
7. Untuk mengetahui jenis ponteng yang paling dominan seperti ponteng hati, ponteng kerana bangun lewat, ponteng kelas dan ponteng sekolah di kalangan pelajar yang terlibat dalam kes ponteng

METODOLOGI

Kaedah yang digunakan dalam kajian ini adalah kaedah kuantitatif. Dalam kaedah ini, data dianalisis secara deskriptif dan inferensi. Analisis deskriptif merupakan kajian yang berbentuk kajian tinjauan. Analisis inferensi dilakukan dengan menggunakan Pearson-r untuk mengetahui sama ada terdapat hubungan antara sikap pelajar, suasana sekolah, guru, rakan sebaya, keluarga dan media elektronik dengan masalah ponteng pelajar. Dalam kajian ini, tujuan utama kajian ini adalah untuk mengetahui apakah faktor utama yang mempengaruhi pelajar terlibat dengan kes ponteng sekolah. Sampel kajian terdiri daripada 202 responden yang dipilih secara rawak berkelompok dari 10 buah sekolah menengah di Johor Bahru.

Instrumen kajian yang digunakan dalam kajian ini adalah berbentuk soal selidik sebagai alat ukur bagi mengumpul data. Satu kajian rintis telah dilakukan ke atas 10 orang pelajar-pelajar tingkatan dua dan empat yang pernah ponteng sekolah di Sekolah Menengah. Hasil kajian rintis yang dijalankan mendapati nilai alpha yang diperolehi ialah 0.8766.

DAPATAN KAJIAN

Faktor-faktor Yang Paling Mempengaruhi Gejala Ponteng

Faktor sikap pelajar terhadap ponteng sekolah

Jadual 1 : Taburan Responden Mengikut Peratus, Min dan Sisihan Piawai Bagi Faktor Ponteng Dari Aspek Faktor Sikap Pelajar

Pernyataan	1 STS (%)	2 TS (%)	3 TP (%)	4 S (%)	5 SS (%)	Min	SP
Saya ke sekolah kerana dipaksa oleh ibu bapa	2.0	6.9	11.4	34.2	45.5	4.14	1.00
Saya berasa kecewa dengan pencapaian ujian bulanan .	4.50	12.4	12.4	44.1	26.7	3.76	1.11
Saya ke sekolah tanpa paksaan sesiapa	31.7	32.7	9.9	10.9	14.9	2.45	1.41
Saya lebih suka bekerja dari belajar	21.3	36.1	19.3	17.8	5.5	2.50	1.17
Saya tidak berminat dalam pembelajaran kerana ia tidak penting bagi saya.	35.6	37.1	10.9	11.9	4.5	2.12	1.15
Saya berasa bosan dengan mata pelajaran tertentu	13.4	37.1	17.3	22.3	9.9	2.78	1.22
Saya tidak suka menghabiskan masa lapang dengan membaca buku-buku pelajaran	13.3	23.8	25.7	22.8	14.4	3.01	1.26
Saya sengaja lewat ke sekolah untuk mengelakkan masuk kelas guru yang sangat garang	29.7	26.3	17.8	19.8	6.4	2.47	1.28
Saya selalu letih dan tidak sempat bangun untuk datang ke sekolah	22.8	33.2	19.3	16.8	7.9	2.54	1.23
Saya lebih suka menonton TV daripada belajar	11.9	24.3	25.7	25.2	12.9	3.03	1.22

Min keseluruhan = 2.88 sisihan piawai = 0.76 n=202

Jadual 1 menunjukkan taburan faktor sikap pelajar yang menjadi faktor-faktor ponteng yang utama terdapat di sekolah mengikut peratus, min, sisihan piawai. Hasil daripada kajian didapati pernyataan “Saya ke sekolah kerana dipaksa oleh ibu bapa” mencatatkan min tertinggi iaitu 4.14 dan sisihan piawai 1.01. Bagi pernyataan “Saya berasa kecewa dengan pencapaian ujian bulanan .”, mencatatkan nilai min kedua tertinggi iaitu 3.76 dan sisihan piawai 1.26. . Secara keseluruhannya min yang diperolehi ialah 2.88 dan sisihan piawai ialah 0.76. Ini menunjukkan tahap faktor sikap pelajar adalah sederhana.

Faktor suasana sekolah terhadap gejala ponteng

Jadual 2 : Taburan Responden Mengikut Peratus, Min dan Sisihan Piawai Bagi Faktor Ponteng Dari Aspek Faktor Suasana Sekolah

Pernyataan	1 STS (%)	2 TS (%)	3 TP (%)	4 S (%)	5 SS (%)	Min	SP
Susunan kerusi dan meja dalam bilik darjah memberi keselesaan kepada saya semasa proses pengajaran-pembelajaran.	2.5	18.3	12.4	37.1	29.7	3.73	1.15
Bilangan pelajar yang ramai dalam bilik darjah merimaskan saya.	2.0	4.0	21.2	40.6	32.2	3.97	.935
Hubungan saya dengan guru yang mengajar di kelas saya adalah baik	5.9	25.2	25.2	29.7	13.9	3.20	1.14
Pihak sekolah memberi tekanan kepada saya untuk lulus dengan cemerlang	5.9	14.9	26.2	26.7	26.2	3.52	1.20
Pihak sekolah saya selalu mengadakan perjumpaan dengan ibu bapa.	13.4	20.8	24.3	31.7	9.9	3.04	1.21
Saya tidak suka suasana di dalam kelas saya	6.9	14.9	14.9	43.1	20.3	3.55	1.17
Sekolah saya menyediakan tempat untuk berehat secukupnya	7.4	22.3	26.2	27.2	16.8	3.24	1.19
Saya berasa selesa dengan keadaan persekitaran sekolah	11.4	24.3	13.4	38.1	12.9	3.17	1.25
Kelas tambahan yang diadakan oleh pihak sekolah membebankan saya.	10.4	29.2	18.8	27.7	13.9	3.05	1.24
Peraturan di sekolah saya terlalu ketat	7.9	16.8	11.4	29.7	34.2	3.65	1.32
Pihak sekolah menyediakan kemudahan-kemudahan (sukan, alat/mesin dan bahan) yang secukupnya untuk kegunaan pelajar.	8.4	11.9	25.7	27.7	26.3	3.51	1.23
Makanan di kantin sekolah tidak sedap dan mahal.	5.0	13.4	12.4	36.1	33.2	3.79	1.18

Min keseluruhan = 3.47 sisihan piawai = 0.52 n = 202

Jadual 2 menunjukkan taburan faktor suasana sekolah yang menjadi faktor-faktor ponteng yang utama terdapat di sekolah mengikut peratus, min, sisihan piawai. Hasil daripada kajian didapati pernyataan “Bilangan pelajar yang ramai dalam bilik darjah merimaskan saya” mencatatkan min tertinggi iaitu 3.97 dan sisihan piawai 0.94. Bagi pernyataan “Makanan di kantin sekolah tidak sedap dan mahal”, mencatatkan nilai min

kedua tertinggi 3.79 dan sisihan piawai 1.18. Bagi pernyataan “Susunan kerusi dan meja dalam bilik darjah memberi keselesaan kepada saya semasa proses pengajaran-pembelajaran”, mencatatkan nilai min ketiga tertinggi iaitu 3.73 dan sisihan piawai 1.15. Secara keseluruhannya min yang diperolehi ialah 3.47 dan sisihan piawai ialah 0.52. Ini menunjukkan tahap faktor suasana sekolah adalah sederhana

Faktor guru sebagai penyebab ponteng

Jadual 3 : Taburan Responden Mengikut Peratus, Min dan Sisihan Piawai Bagi Faktor Ponteng Dari Aspek Faktor Guru

Pernyataan	1 STS (%)	2 TS (%)	3 TP (%)	4 S (%)	5 SS (%)	Min	SP
Saya suka dengan sikap guru mengajar dalam aktiviti pembelajaran dan pengajarannya.	3.0	4.0	27.2	35.1	30.7	3.87	1.00
Guru disiplin akan menggunakan budi bicaranya jika saya melakukan kesalahan.	12.4	11.4	11.9	37.6	26.7	3.55	1.33
Semua guru yang mengajar saya memberikan kerja sekolah yang banyak	1.6	8.9	15.8	28.7	45.0	4.07	1.05
Guru kelas saya adalah seorang yang baik dan mengambil berat tentang pelajaran saya.	5.0	23.3	22.3	37.1	12.4	3.29	1.10
Guru kelas akan mengenakan hukuman, jika saya melakukan kesalahan.	2.5	8.9	23.3	43.6	21.8	3.73	0.98
Guru saya selalu menasihati pelajarinya semasa beliau mengajar	1.5	20.3	33.7	33.2	11.4	3.33	0.97
Sesetengah guru yang mengajar saya sering lewat masuk ke dalam kelas	1.0	6.4	16.8	46.5	29.2	3.97	0.90
Guru saya sentiasa bersedia semasa mengajar.	5.4	17.8	27.2	31.7	17.8	3.39	1.13
Pembelajaran dan pengajaran guru kurang berkesan seperti yang saya harapkan .	2.0	5.4	15.8	47.0	29.7	3.97	0.92

Min keseluruhan =3.68 sisihan piawai = 0.53 n =202

Jadual 3 menunjukkan taburan faktor guru yang menjadi faktor-faktor ponteng yang utama terdapat di sekolah mengikut peratus, min dan sisihan piawai. Hasil daripada kajian didapati pernyataan “Semua guru yang mengajar saya memberikan kerja sekolah yang banyak” mencatatkan min tertinggi iaitu 4.07 dan sisihan piawai 1.09. Bagi pernyataan “Sesetengah guru yang mengajar saya sering lewat masuk ke dalam kelas” mencatatkan nilai min kedua tertinggi iaitu 3.97 dan sisihan piawai 0.90. Bagi kenyataan “Pembelajaran dan pengajaran guru kurang berkesan seperti yang saya harapkan”, mencatatkan nilai min ketiga tertinggi iaitu 3.97 dan sisihan piawai 1.92. Secara keseluruhannya min yang diperolehi ialah 3.6 dan sisihan piawai ialah 0.53. Ini menunjukkan tahap pengaruh guru adalah tinggi.

Faktor rakan sebaya sebagai penyebab pelajar ponteng sekolah

Jadual 4 : Taburan Responden Mengikut Peratus, Min dan Sisihan Piawai Bagi Faktor Ponteng Dari Aspek Faktor Rakan Sebaya

Pernyataan	1 STS (%)	2 TS (%)	3 TP (%)	4 S (%)	5 SS (%)	Min	SP
Kawan-kawan selalu mentertawakan saya apabila saya tidak dapat menjawab soalan yang ditanya oleh guru	12.4	28.7	18.8	21.8	18.3	3.05	1.32
Saya tidak suka ke sekolah kerana dapat bersama kawan di pusat hiburan	24.8	26.2	19.8	13.9	15.3	2.69	1.38
Saya selalu diajak oleh rakan saya pergi ke pusat beli belah sewaktu persekolahan	30.2	29.2	15.3	14.4	10.9	2.47	1.34
Jika saya tidak ponteng bersama rakan, saya tidak akan diterima oleh rakan yang ponteng	28.2	21.8	17.8	21.3	10.9	2.65	1.37
Rakan sebaya menjadi tempat bagi saya mencurahkan masalah dan pengganti bagi ibu bapa	7.9	20.8	13.9	38.1	19.3	3.40	1.23
Saya rasa bangga mempunyai kawan yang berkebolehan dalam kepimpinan dan berpengaruh terhadap rakan lain.	5.9	11.4	27.7	34.2	20.8	3.52	1.12
Saya lebih suka mengikut pemakaian kawan saya yang berjenama supaya	26.7	27.7	20.8	13.9	10.9	2.54	1.31

saya diterima oleh kumpulan mereka							
------------------------------------	--	--	--	--	--	--	--

Min keseluruhan = 2.90

sisihan piawai = 0.83

n = 202

Jadual 4 menunjukkan taburan faktor rakan sebaya yang menjadi faktor-faktor ponteng yang utama terdapat di sekolah mengikut peratus, min dan sisihan piawai. Hasil daripada kajian didapati pernyataan “Saya rasa bangga mempunyai kawan yang berkebolehan dalam kepimpinan dan berpengaruh terhadap rakan lain.” mencatatkan min tertinggi iaitu 3.52 dan sisihan piawai 1.12. Bagi pernyataan “Rakan sebaya menjadi tempat bagi saya mencurahkan masalah dan pengganti bagi ibu bapa” mencatatkan min kedua tertinggi iaitu 3.40 dan sisihan piawai 1.23. Bagi pernyataan “Kawan-kawan selalu mentertawakan saya apabila saya tidak dapat menjawab soalan yang ditanya oleh guru” mencatatkan min ketiga tertinggi sebanyak, 3.05 dan sisihan piawai 1.32. Secara keseluruhannya min yang diperolehi ialah 2.90 dan sisihan piawai ialah 0.83. Ini menunjukkan tahap faktor rakan sebaya adalah sederhana.

Faktor keluarga sebagai penyebab pelajar ponteng sekolah

Jadual 5 : Taburan Responden Mengikut Peratus, Min dan Sisihan Piawai Bagi Faktor Ponteng Dari Aspek Faktor Keluarga

Pernyataan	1 STS (%)	2 TS (%)	3 TP (%)	4 S (%)	5 SS (%)	Min	SP
Ibu bapa saya jarang di rumah kerana sibuk bekerja	25.2	28.7	14.4	24.3	7.4	2.60	1.30
Ibu bapa menyerahkan tanggungjawab terhadap keluarga kepada orang gaji	31.2	39.6	7.9	9.9	11.4	2.31	1.31
Ibu bapa selalu bergaduh di rumah	3.0	12.4	10.4	27.7	46.5	4.02	1.16
Ibu bapa selalu menggalakkan saya belajar	42.1	20.8	10.9	15.3	10.9	2.32	1.42
Ibu bapa tidak ambil tahu saya jika saya tidak pergi ke sekolah	32.2	19.8	12.3	21.8	13.9	2.65	1.47
Ibu bapa menyediakan segala keperluan dan kemudahan supaya hidup saya lebih mewah	25.2	27.7	13.9	19.8	13.4	2.68	1.39
Ibu bapa saya lebih sayang pada adik daripada saya	10.4	15.8	27.7	26.7	19.3	3.29	1.24

Min keseluruhan = 2.84

sisihan piawai = 0.82

n = 202

Jadual 5 menunjukkan taburan faktor keluarga yang menjadi faktor-faktor ponteng yang utama terdapat di sekolah mengikut peratus, min dan sisihan piawai. Hasil daripada

kajian didapati pernyataan “Ibu bapa selalu bergaduh di rumah” mencatatkan min tertinggi iaitu 4.02 dan sisihan piawai 1.16. Bagi pernyataan “Ibu bapa saya lebih sayang pada adik daripada saya” mencatatkan nilai min kedua tertinggi iaitu 3.29 dan sisihan piawai 1.24. Bagi pernyataan “Ibu bapa menyediakan segala keperluan dan kemudahan supaya hidup saya lebih mewah”, mencatatkan nilai min ketiga tertinggi iaitu 2.68 dan sisihan piawai 1.39. Secara keseluruhannya min yang diperoleh ialah 2.84 dan sisihan piawai ialah 0.82. Ini menunjukkan tahap pengaruh keluarga adalah sederhana

Faktor media elektronik sebagai penyebab pelajar ponteng sekolah

Jadual 6 : Taburan Responden Mengikut Peratus, Min dan Sisihan Piawai Bagi Faktor Ponteng Dari Aspek Faktor Media Elektronik

Pernyataan	1 STS(%)	2 TS(%)	3 TP (%)	4 S (%)	5 SS (%)	Min	SP
Permainan video (video Games) di pusat hiburan memang merugikan masa	38.6	26.2	11.4	17.3	6.4	2.27	1.31
Permainan video (video Games) di pusat hiburan sangat menyeronokan	13.9	13.9	24.3	27.7	20.3	3.27	1.31
saya lebih suka lepak di pusat hiburan daripada belajar di sekolah	6.4	10.9	19.3	35.6	27.7	3.67	1.18
Permainan berkomputer di pusat hiburan boleh mengelakkan saya mendengar leteran guru yang membosankan	15.8	21.3	29.2	21.3	12.4	2.93	1.25
Jika saya ponteng, pusat hiburan adalah tempat bagi saya bertemu dengan kawan	29.2	27.2	16.8	18.8	7.9	2.49	1.30
Permainan video (videogame) di pusat hiburan memang boleh menghilangkan rasa tekanan saya di rumah dan sekolah	18.3	13.9	17.3	30.7	19.8	3.20	1.39
Program siaran Tv 24 jam memang boleh menghilangkan rasa bosan di rumah	11.4	17.3	24.8	26.2	20.3	3.28	1.28

Min keseluruhan =3.01

sisihan piawai = 0.84

n = 202

Jadual .6 menunjukkan taburan faktor media elektronik yang menjadi faktor-faktor ponteng yang utama terdapat di sekolah mengikut peratus, min dan sisihan piawai. Hasil daripada kajian didapati pernyataan “saya lebih suka lepak di pusat hiburan daripada

belajar di sekolah” mencatatkan min tertinggi iaitu 3.67 dan sisihan piawai 1.18. Bagi pernyataan “Program siaran Tv 24 jam memang boleh menghilangkan rasa bosan di rumah” mencatatkan nilai min kedua tertinggi iaitu 3.28 dan sisihan piawai 1.28. Bagi pernyataan “.Permainan video (video Games) di pusat hiburan sangat menyeronokan” mencatatkan nilai min ketiga tertinggi iaitu 3.27 dan sisihan piawai 1.31. Secara keseluruhannya min yang diperoleh ialah 3.01 dan sisihan piawai ialah 0.84. Ini menunjukkan tahap pengaruh media elektronik adalah sederhana.

Faktor Ponteng Yang Dominan

Jadual 7 Min Bagi Setiap Faktor Ponteng

Faktor Ponteng	Min
Sikap Pelajar	2.88
Suasana Sekolah	3.47
Guru	3.68
Rakan Sebaya	2.90
Keluarga	2.84
Media Elektronik	3.01

Berdasarkan jadual 7 menunjukkan faktor yang paling mempengaruhi perlakuan ponteng adalah faktor guru yang mencatatkan nilai min 3.68, diikuti faktor suasana sekolah dengan nilai min 3.47, faktor media elektronik dengan nilai min 3.01, faktor rakan sebaya yang mencatatkan nilai min 2.90, faktor sikap pelajar yang mencatatkan nilai min 2.88 dan faktor keluarga yang mencatatkan nilai min 2.84.

Jenis-jenis ponteng yang paling dominan Ponteng Hati

Jadual 8 : Taburan Responden Mengikut Peratus, Min dan Sisihan Piawai Bagi Ponteng Hati

Pernyataan	STS (%)	TS (%)	TP (%)	S (%)	SS (%)	Min	SP
saya selalu termenung semasa guru mengajar	6.4	18.3	33.2	24.3	17.8	3.29	1.15
Saya selalu tidak menumpukan perhatian semasa guru mengajar	5.9	19.8	26.3	28.2	19.8	3.36	1.18
Fikiran saya selalu runsing semasa guru mengajar	3.0	10.4	28.2	36.6	21.8	3.64	1.03
Saya selalu berkhayal semasa guru mengajar	5.0	13.4	28.7	37.1	15.8	3.46	1.07
Saya selalu terlibat dalam perbincangan kelas	6.9	17.3	29.8	28.2	17.8	3.33	1.16
Saya selalu mengganggu kawan waktu guru mengajar	8.4	31.7	16.3	31.2	12.4	3.07	1.21
Saya melihat pemandangan	6.4	21.8	20.3	34.2	17.3	3.34	1.18

di luar kelas semasa guru mengajar							
------------------------------------	--	--	--	--	--	--	--

Min keseluruhan = 3.35

sisihan piawai = 0.75

n = 202

Jadual 8 menunjukkan taburan ponteng hati yang menjadi jenis ponteng yang utama terdapat di sekolah mengikut peratus, min dan sisihan piawai. Hasil daripada kajian didapati pernyataan “Fikiran saya selalu runsing semasa guru mengajar” mencatatkan min tertinggi iaitu 3.64 dan sisihan piawai 1.03. Bagi pernyataan “Fikiran saya selalu runsing semasa guru mengajar” mencatatkan nilai min kedua tertinggi iaitu 3.64 dan sisihan piawai 1.03. Bagi pernyataan “Saya selalu tidak menumpukan perhatian semasa guru mengajar.” mencatatkan nilai min ketiga tertinggi iaitu 3.36 dan sisihan piawai 1.18. Secara keseluruhannya min yang diperoleh ialah 3.35 dan sisihan piawai 0.75. Ini menunjukkan tahap pengaruh jenis ponteng hati adalah sederhana.

Jadual 9 : Tahap Ponteng Hati

Tahap	Kekerapan	Peratus
Rendah	17	8.4
Sederhana	112	55.4
Tinggi	73	36.2
Jumlah	202	100

Jadual 9 menunjukkan tahap ponteng hati yang diperoleh oleh setiap responden. Hasil daripada kajian didapati majoriti responden mempunyai tahap ponteng hati pada tahap yang sederhana iaitu seramai 112 orang (55.4 peratus). Manakala 17 orang (8.4 peratus) pada tahap yang rendah. Selebihnya responden mempunyai tahap ponteng hati pada tahap yang tinggi iaitu 73 orang (36.2 peratus).

Ponteng Kerana Bangun Lewat

Jadual 10 : Taburan Responden Mengikut Peratus, Min dan Sisihan Piawai Bagi Ponteng Kerana Bangun Lewat

Pernyataan	STS (%)	TS (%)	TP (%)	S (%)	SS (%)	Min	SP
Saya tidak suka bangun awal	9.9	33.2	13.5	24.3	19.3	3.10	1.32
Apabila bangun lewat, saya malas hendak pergi ke sekolah	17.3	33.2	8.9	23.3	17.3	2.90	1.40
Apabila bangun lewat, saya takut pergi ke sekolah kerana akan didenda oleh guru disiplin	15.8	28.2	16.9	25.7	13.4	2.93	1.31
Saya kerja malam di kilang untuk mendapat wang	40.6	23.3	10.3	13.9	11.9	2.33	1.43
Saya bangun lewat kerana belajar hingga larut malam	20.8	30.2	16.8	18.3	13.9	2.74	1.35
Saya sering bangun lewat kerana “overnight” bersama dengan rakan sebaya	36.1	22.3	9.9	18.8	12.9	2.50	1.46
Saya selalu tidur lewat	8.9	18.3	11.4	36.6	24.8	3.50	1.29

Min keseluruhan = 2.86

sisihan piawai = 0.91

n = 202

Jadual 10 menunjukkan taburan ponteng kerana bangun lewat yang menjadi jenis ponteng yang utama terdapat di sekolah mengikut peratus, min dan sisihan piawai. Hasil daripada kajian didapati pernyataan “Saya selalu tidur lewat” mencatatkan min tertinggi iaitu 3.50 dan sisihan piawai 1.29. Bagi pernyataan “Saya tidak suka bangun awal” mencatatkan nilai min kedua tertinggi iaitu 3.10 dan sisihan piawai 1.32. Bagi pernyataan “Apabila bangun lewat, saya takut pergi ke sekolah kerana akan didenda oleh guru disiplin.” mencatatkan nilai min ketiga tertinggi iaitu 2.93 dan sisihan piawai 1.31. Secara keseluruhannya min yang diperolehi ialah 2.86 dan sisihan piawai ialah 0.91. Ini menunjukkan tahap jenis ponteng kerana bangun lewat adalah sederhana.

Jadual 11: Tahap Ponteng Kerana Bangun Lewat

Tahap	Kekerapan	Peratus
Rendah	66	32.7

Sederhana	93	46.0
Tinggi	43	21.3
Jumlah	202	100

Taburan Tahap Ponteng Kerana Bangun Lewat

Jadual 11 menunjukkan tahap ponteng kerana bangun lewat yang diperoleh oleh setiap responden. Hasil daripada kajian didapati majoriti responden mempunyai tahap ponteng kerana bangun lewat pada tahap yang sederhana iaitu seramai 93 orang (46.0 peratus). Manakala 66 orang (32.7 peratus) pada tahap yang rendah. Selebihnya responden mempunyai tahap ponteng kerana bangun lewat pada tahap yang tinggi iaitu 43 orang (21.3 peratus).

Ponteng Kelas

Jadual 12: Taburan Responden Mengikut Peratus, Min dan Sisihan Piawai Bagi Ponteng Kelas

Pernyataan	1 STS(%)	2 TS(%)	3 TP(%)	4 S(%)	5 SS(%)	Min	SP
Saya lebih suka merayau-rayau di luar kelas berbanding berada di dalam kelas	16.3	19.8	23.3	27.2	13.4	3.01	1.29
Saya suka pergi ke tandas tanpa kebenaran guru	14.4	35.6	14.4	24.3	11.4	2.83	1.27
Saya suka keluar masuk kelas sesuka hati	12.9	32.2	17.3	23.8	13.9	2.94	1.28
Saya tidak tahu masa mula dan tamat setiap waktu pengajaran dan pembelajaran	10.4	32.7	16.8	25.7	14.4	3.00	1.26
Saya tidak suka guru yang mengajar mata pelajaran	16.3	25.2	27.2	20.3	10.9	2.84	1.24
Saya tidak membuat kerja rumah yang diberikan oleh guru	12.9	36.1	14.4	29.2	7.4	2.82	1.20
Saya suka berjalan-jalan di luar kelas semasa pengajaran dan pembelajaran	17.3	36.6	14.4	24.3	7.4	2.68	1.23

Min keseluruhan = 2.88

sisihan piawai = 0.99

n = 202

Jadual 12 menunjukkan taburan ponteng kelas yang menjadi jenis ponteng yang utama terdapat di sekolah mengikut peratus, min, sisihan piawai. Hasil daripada kajian didapati pernyataan “Saya lebih suka merayau-rayau di luar kelas berbanding berada di dalam kelas” mencatatkan min tertinggi iaitu 3.01 dan sisihan piawai 1.29. Bagi pernyataan

“Saya tidak tahu masa mula dan tamat setiap waktu pengajaran dan pembelajaran” mencatatkan nilai min kedua tertinggi iaitu 3.28 dan sisihan piawai 1.28. Bagi pernyataan “Saya suka keluar masuk kelas sesuka hati” mencatatkan min ketiga tertinggi sebanyak, 2.94 dan sisihan piawai 1.28. Secara keseluruhannya min yang diperolehi ialah 2.88 dan sisihan piawai ialah 0.99. Ini menunjukkan tahap jenis ponteng kelas adalah sederhana.

Jadual 13 : Tahap Ponteng Kelas

Tahap	Kekerapan	Peratus
Rendah	62	30.7
Sederhana	96	47.5
Tinggi	44	21.8
Jumlah	202	100

Taburan Tahap Ponteng Kelas

Jadual 13 menunjukkan tahap ponteng kelas yang diperoleh oleh setiap responden. Hasil daripada kajian didapati majoriti responden mempunyai tahap ponteng kelas pada tahap yang sederhana iaitu seramai 96 orang (47.5 peratus). Manakala 62 orang (30.7 peratus) pada tahap yang rendah. Selebihnya responden mempunyai tahap ponteng kelas pada tahap yang tinggi iaitu 44 orang (21.8 peratus).

Jenis-jenis Ponteng Yang Paling Dominan

Jadual 14 : Taburan Responden Mengikut Peratus, Min dan Sisihan Piawai Bagi Ponteng Sekolah

Pernyataan	STS (%)	TS (%)	TP (%)	S (%)	SS (%)	Min	SP
Saya malas hendak pergi ke sekolah	23.3	36.1	9.4	21.8	9.4	2.58	1.31
Saya suka ke siber cafe semasa waktu persekolahan	35.6	27.7	11.0	17.8	7.9	2.35	1.33
Saya suka ke pasar raya waktu persekolahan	33.2	36.1	7.0	15.3	8.4	2.30	1.30
Saya tidak pergi ke sekolah kerana saya bekerja untuk mendapatkan wang	37.6	29.7	8.5	16.8	7.4	2.27	1.32
Saya tidak mahu ke sekolah kerana takut dibuli	35.6	31.7	7.4	13.9	11.4	2.34	1.38
Saya malas ke sekolah kerana jarak rumah jauh dari sekolah	37.7	32.5	2.6	19.3	7.9	2.28	1.35
Saya tidak ke sekolah	30.7	31.7	8.9	18.3	10.4	2.46	1.36

kerana perlu menjaga adik di rumah							
------------------------------------	--	--	--	--	--	--	--

Min =2.37 sisihan piawai = 1.19 n =202

Jadual 14 menunjukkan taburan ponteng sekolah yang menjadi jenis ponteng yang utama terdapat di sekolah mengikut peratus, min dan sisihan piawai. Hasil daripada kajian didapati pernyataan “Saya malas hendak pergi ke sekolah” mencatatkan nilai min tertinggi iaitu 2.58 dan sisihan piawai 1.31 Bagi pernyataan “Saya tidak ke sekolah kerana perlu menjaga adik di rumah” mencatatkan nilai min kedua tertinggi iaitu 2.46 dan sisihan piawai 1.36.

Jadual 15 : Tahap Ponteng Sekolah

Tahap	Kekerapan	Peratus
Rendah	62	30.7
Sederhana	96	47.5
Tinggi	44	21.8
Jumlah	202	100

Taburan Tahap Ponteng Sekolah

Jadual 15 menunjukkan tahap ponteng sekolah yang diperoleh oleh setiap responden. Hasil daripada kajian didapati majoriti responden mempunyai tahap ponteng kelas pada tahap yang sederhana iaitu seramai 96 orang (47.5 peratus). Manakala 62 orang (30.7 peratus) pada tahap yang rendah. Selebihnya responden mempunyai tahap ponteng kelas pada tahap yang tinggi iaitu 44 orang (21.8 peratus).

Jadual 15 : Min Bagi Setiap Jenis Ponteng

Jenis Ponteng	Min
Ponteng Hati	3.36
Ponteng Kerana Bangun Lewat	2.86
Ponteng Kelas	2.88
Ponteng Sekolah	2.37

Berdasarkan jadual 15 menunjukkan jenis ponteng yang paling dominan di kalangan pelajar yang terlibat dalam kes ponteng ialah ponteng hati yang mencatatkan nilai min 3.36, diikuti jenis ponteng kelas dengan nilai min 2.88, jenis ponteng kerana bangun lewat mencatatkan nilai min 2.86 dan jenis ponteng yang paling rendah ialah ponteng sekolah yang mencatatkan nilai min 2.37

Hubungan faktor ponteng sekolah dengan pendapatan keluarga

Dalam bahagian ini, keputusan statistik kajian dikemukakan. Kaedah yang digunakan adalah Korelasi Pearson. Keputusan kajian dilaporkan berdasarkan objektif kajian.

Faktor Sosioekonomi Keluarga

Hasil kajian mendapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara jenis-jenis ponteng dengan sosio ekonomi keluarga di sekolah menengah. Oleh itu dapatan ini tidak dapat menolak Hipotesis Nol iaitu tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara faktor-faktor yang mempengaruhi gejala ponteng iaitu faktor sikap pelajar, suasana sekolah, guru, rakan sebaya, keluarga dan media elektronik dengan pendapatan keluarga.

Faktor Jantina

Dalam bahagian ini, keputusan kajian dikemukakan. Kaedah statistik yang digunakan adalah Ujian-t. Keputusan kajian dilaporkan berdasarkan objektif kajian. Hasil kajian menunjukkan tidak terdapat perbezaan min yang signifikan maka dengan ini dapatlah dirumuskan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara jenis-jenis ponteng dengan jantina di sekolah

Hubungan kegiatan ponteng dengan pencapaian akademik pelajar

Dalam bahagian ini, keputusan statistik kajian dikemukakan. Kaedah yang digunakan adalah Korelasi Pearson. Keputusan kajian dilaporkan berdasarkan objektif kajian.

Jadual 16 : Korelasi Jenis Ponteng Hati Dengan Pencapaian Akademik

	Pencapaian Akademik	Ponteng Hati
Pencapaian Akademik	Korelasi Pearson	.217
	Sig. (2-tailed)	.002
	N	202

Aras keertian $\alpha = 0.01$

Berdasarkan jadual 16, didapati nilai pekali korelasi, r bagi jenis ponteng hati dengan pencapaian akademik adalah bersamaan dengan 0.217. Ini menunjukkan hubungan yang lemah. Memandangkan nilai $p = 0.002$ adalah lebih kecil dari 0.01, maka hipotesis ini ditolak. Ini bermakna terdapat hubungan yang signifikan antara jenis ponteng hati di kalangan pelajar dengan pencapaian akademik

Oleh kerana keputusan ujian korelasi menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan, maka dengan ini dapat dirumuskan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara jenis ponteng hati dengan pencapaian akademik di kalangan pelajar di sekolah menengah.

Jadual 17: Korelasi Jenis Ponteng Kerana Bangun Lewat Dengan Pencapaian Akademik

		Pencapaian Akademik	Ponteng Kerana Bangun lewat
Pencapaian Akademik	Korelasi Pearson	1	.243
	Sig. (2-tailed)		.000
	N	202	202

Aras keertian $\alpha = 0.01$

Berdasarkan jadual 17, didapati nilai pekali korelasi, r bagi jenis ponteng kerana bangun lewat dengan pencapaian akademik adalah bersamaan dengan 0.243. Ini menunjukkan hubungan yang lemah. Memandangkan nilai $p = 0.000$ adalah lebih kecil dari 0.01, maka hipotesis ini ditolak. Ini bermakna terdapat hubungan yang signifikan antara jenis ponteng kerana bangun lewat di kalangan pelajar dengan pencapaian akademik

Oleh kerana keputusan ujian korelasi menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan, maka dengan ini dapat dirumuskan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara jenis ponteng kerana bangun lewat dengan pencapaian akademik di kalangan pelajar di sekolah menengah.

Jadual 18 : Korelasi Jenis Ponteng Kelas Dengan Pencapaian Akademik

		Pencapaian Akademik	Ponteng kelas
Pencapaian Akademik	Korelasi Pearson	1	.210
	Sig. (2-tailed)		.003
	N	202	202

Aras keertian $\alpha = 0.01$

Berdasarkan jadual 18, didapati nilai pekali korelasi, r bagi jenis ponteng kelas dengan pencapaian akademik adalah bersamaan dengan 0.210. Ini menunjukkan hubungan yang lemah. Memandangkan nilai $p = 0.003$ adalah lebih kecil dari 0.01, maka hipotesis ini ditolak. Ini bermakna terdapat hubungan yang signifikan antara jenis ponteng kelas di kalangan pelajar dengan pencapaian akademik

Oleh kerana keputusan ujian korelasi menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan, maka dengan ini dapat dirumuskan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara jenis ponteng kelas dengan pencapaian akademik di kalangan pelajar di sekolah menengah.

Jadual 19 : Korelasi Jenis Ponteng Sekolah Dengan Pencapaian Akademik

		Pencapaian Akademik	Ponteng Sekolah
Pencapaian Akademik	Korelasi Pearson	1	.242

Sig. (2-tailed)	202	.001
N	202	202

Aras keertian $\alpha = 0.01$

Berdasarkan jadual 19, didapati nilai pekali korelasi, r bagi jenis ponteng sekolah dengan pencapaian akademik adalah bersamaan dengan 0.242. Ini menunjukkan hubungan yang lemah. Memandangkan nilai $p = 0.001$ adalah lebih kecil dari 0.01, maka hipotesis ini ditolak. Ini bermakna terdapat hubungan yang signifikan antara jenis ponteng sekolah di kalangan pelajar dengan pencapaian akademik

Oleh kerana keputusan ujian korelasi menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan, maka dengan ini dapat dirumuskan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara jenis ponteng sekolah dengan pencapaian akademik di kalangan pelajar di sekolah menengah.

Berdasarkan kajian yang telah dijalankan, faktor-faktor ponteng yang utama terdapat di sekolah ialah sikap pelajar. Hasil kajian mendapati keseluruhan min yang diperolehi bagi faktor sikap pelajar ialah 2.88 dan sisihan piawai ialah 0.76. Ini menunjukkan tahap faktor sikap pelajar adalah sederhana.

Sementara itu dari aspek suasana sekolah secara keseluruhannya min yang diperolehi ialah 3.47 dan sisihan piawai ialah 0.52. Ini menunjukkan tahap faktor suasana sekolah adalah sederhana. Hasil daripada kajian didapati pernyataan “Bilangan pelajar yang ramai dalam bilik darjah merimaskan saya” mencatatkan min tertinggi iaitu 3.97 dan sisihan piawai 0.94.

Bagi faktor guru didapati secara keseluruhannya min yang diperolehi ialah 3.68 dan sisihan piawai ialah 0.53. Ini menunjukkan tahap pengaruh guru adalah tinggi. Pengajaran guru yang tidak menarik akan menyebabkan pelajar tidak berminat dalam sesuatu mata pelajaran. Sekiranya guru tidak berusaha menarik minat mereka, pelajar-pelajar itu akan hilang semangat belajar dan ponteng sekolah. Sikap guru yang suka berleter juga boleh mempengaruhi pelajar untuk ponteng. Ada golongan pelajar ponteng semata-mata kerana hendak mengelakkan dari leteran guru dengan melepak di tempat hiburan untuk melepaskan masanya.

Hasil kajian juga mendapati keseluruhan min yang diperolehi bagi faktor rakan sebaya ialah 2.90 dan sisihan piawai ialah 0.83. Ini menunjukkan tahap faktor rakan sebaya adalah sederhana. Hasil daripada kajian yang dijalankan ternyata faktor rakan sebaya merupakan faktor yang paling utama menyebabkan pelajar ponteng.

Hasil kajian juga mendapati keseluruhan min yang diperolehi bagi faktor keluarga ialah 2.84 dan sisihan piawai ialah 0.82. Ini menunjukkan tahap pengaruh keluarga adalah sederhana.

Begitu juga dengan faktor media elektronik secara keseluruhannya min yang diperolehi ialah 3.01 dan sisihan piawai ialah 0.84. Ini menunjukkan tahap pengaruh media elektronik adalah sederhana.

Berdasarkan kajian yang telah dilakukan jenis ponteng yang paling dominan ialah ponteng hati. Hasil kajian keseluruhan min bagi jenis ponteng hati yang diperolehi ialah 3.35 dan sisihan piawai 0.75. Ini menunjukkan tahap pengaruh jenis ponteng hati adalah sederhana.

Sementara itu bagi jenis ponteng kerana bangun lewat secara keseluruhannya min yang diperolehi ialah 2.86 dan sisihan piawai ialah 0.91. Ini menunjukkan tahap jenis ponteng kerana bangun lewat adalah sederhana.

Begitu juga dengan jenis ponteng kelas secara keseluruhannya min yang diperolehi ialah 2.88 dan sisihan piawai ialah 0.99. Ini menunjukkan tahap jenis ponteng kelas adalah sederhana. Guru-guru juga berperanan sebagai pemimpin dalam konteks masing-masing. Peringkat paling asas ialah kepimpinan guru dalam bilik darjah. Guru harus menyediakan alat bantu mengajar, sentiasa bersedia untuk mengajar supaya pelajar minat belajar dalam kelas.

Hasil kajian juga mendapati keseluruhan min bagi jenis ponteng sekolah ialah 2.37 dan sisihan piawai 1.87. Ini menunjukkan tahap pengaruh jenis ponteng sekolah adalah sederhana.

Kesimpulan

Kegiatan ponteng merupakan masalah serius yang wujud di kebanyakan sekolah menengah di negara ini. Kegiatan ponteng ini mempengaruhi pencapaian akademik para pelajar yang terlibat dengan masalah ponteng. Sekiranya ia tidak ditangani secara tuntas, ia boleh menjejaskan sumber manusia yang akhirnya membantutkan usaha pembangunan negara. Oleh itu semua pihak seharusnya memandang serius akan gejala ini dan berkerjasama untuk membasminya.

RUJUKAN

Abdullah Sani Yahaya (2004). *Mengurus Disiplin Pelajar*. Pahang Darul Makmur: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd

Foziah Binti Ab.Rahman (1999). *Masalah Ponteng Sekolah Mempengaruhi Keruntuhan Akhlak Pelajar: Satu Kajian Di Sekolah Men. Keb. Kuala Tembeling, Jerantut Pahang*". Tesis Sarjana Muda Universiti Teknologi Malaysia: Tidak Diterbitkan.

Hussein Hj Ahmad (1993). *Pendidikan dan Masyarakat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ismail Haji Din (1990). *Cita – Cita Mengejar Dan Merealisasikannya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Jawatankuasa Khas Kementerian Pelajaran Malaysia(1982). *Panduan Bagi Ibumapa Mengenai Disiplin Pelajar-pelajar Sekolah*. (1982). Kuala Lumpur

Kamus Dewan (1996). Edisi ke-3. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kamus Dewan (2005). Edisi ke-4. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

- Kementerian Pendidikan Malaysia (1981). *Panduan Am Disiplin Sekolah*. Kuala Lumpur.
- Kementerian Pendidikan Malaysia(1998). *Panduan Tatacara Disiplin Sekolah Untuk Guru Besar Dan Guru*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Kementerian Pelajaran Malaysia (1979). *Surat-Surat Pekeliling Ikhtisas Kementerian Pelajaran Malaysia*: Kuala Lumpur.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (1988). *Panduan Tatacara Disiplin Sekolah Untuk Guru Besar Dan Guru*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (1994). *Panduan Bagi Mengatasi Ponteng Di Sekolah*: Unit Disiplin Bahagian Sekolah.
- Omardin Ashaari (1996). *Pengurusan Sekolah*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributor Sdn. Bhd.
- Tan Kui Ngor (2006). *Pengaruh Persekitaran Sekolah Terhadap Masalah Disiplin Pelajar dan Kaedah Pengurusan Disiplin*. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Sarjana .
- Wan Ahmad Nasir (1985). “ *Pentadbiran dan pengurusan sekolah ke arah peningkatan disiplin sekolah*”. Jurnal Kementerian Pendidikan Malaysia. Jld. 29 (66).
- Yaakub Isa (1996). *Almanak Pendidikan*. Kuala Lumpur: Berita Publishing Sdn. Bhd.